

**NOTIS
PEMBERITAHUAN
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR**



- Penggunaan produk biodegradasi di Wilayah Persekutuan telah dikuat kuasakan pada 1 September 2017. Pemegang lesen perniagaan adalah dilarang menggunakan polisterina, beg plastik sekali guna dan hendaklah menggunakan produk biodegradasi. Produk biodegradasi yang dibenarkan adalah jenis klasifikasi biodegradasi atau *compostable* yang telah mendapat pensijilan SIRIM ECO-001:2018 atau SIRIM ECO-009:2016 daripada SIRIM Berhad.
- Pemegang lesen perniagaan adalah **dibenarkan untuk mengenakan caj 20 sen** terhadap pembungkusan klasifikasi biodegradasi atau *compostable* kepada pengguna.
- Penggunaan straw plastik atau penyedut minuman plastik adalah dilarang.
- **Mulai 1 Januari 2020, tindakan tegas** akan diambil kepada pemegang lesen yang gagal untuk mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dan apabila disabitkan, dikenakan tindakan penguatkuasaan di bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja (WPKL) 2016, Undang-Undang Kecil Pelesenan Pasar (WPKL) 2016, Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (WPKL) 2016 Undang-Undang Kecil Pelesenan Petempatan Makanan (WPKL) 2016; atau kompaun mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171].

Sekian, terima kasih.